

## **PENGARUH PERADABAN ISLAM DALAM MSS1292 KITAB TIBB\***

Roziah Sidik @ Mat Sidek  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Azizan Baharuddin  
Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya

Rahimin Affandi Abd Rahim  
Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

### **Abstract**

*MSS1292 Kitab Tibb is a manuscript kept in the Malay Manuscript Centre at the National Library of Malaysia. The whole of its contents are related to the medicinal elements or, more specifically, about the healthcare ways of the Malays. This article is written to present the aspects of Islamic culture in the said manuscript. Using the textual content analysis, we find that the manuscript is full of the influence of Islamic culture. This includes the use of wafak (diagrams with letters, numerals or verses) the use of expressions, chants and rulings which show the existence of Islamic elements, the use of Qur'anic verses, Sunnah, doa (supplicatory prayers) and sayings of the Sahabah (Companions) as well as of the ulama (Islamic scholars).*

---

\* Tulisan ini ialah sebahagian daripada kajian D. Fal. seorang daripada penulis (Roziah) di bawah penyeliaan penulis lain itu, di Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya.

## 1. Pendahuluan

MSS1292 *Kitab Tibb* ialah sebuah manuskrip yang dimiliki oleh Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Pengarang asalnya tidak dapat dikenal pasti. Namun catatan di penghujung manuskrip tersebut ada menyatakan mengenai penyalinnya, iaitu Haji Mahmud al-Jawi yang berasal dari Terengganu. Manuskrip ini selesai disalin pada tahun 1235H/1820M di daerah Sungai Tok Gali di Pejut dalam negeri Fatani (dihalaman 137). Dengan ketebalan 142 halaman, manuskrip ini ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Ada beberapa halaman awal bab yang pertama manuskrip ini yang tidak dapat dikesan. Setiap halaman mempunyai 19 baris kecuali pada halaman 1 – 4, 68 – 70 dan 138 – 142 yang masing-masing bilangan baris yang berbeza: halaman 1 sembilan baris, halaman 2 ditulis dengan 10 baris, manakala halaman 3 pula mengandungi 20 baris; halaman 4 dan 139 ditulis dengan 22 baris, dan halaman 68 – 69 memuatkan 13 baris. Di samping itu, halaman 70 dan 137 pula mengandungi 15 baris, halaman 138 dan 140 pula ditulis dengan 17 baris, dan halaman 141 – 142 pula masing-masing mempunyai 5 baris. Secara keseluruhannya, tulisan manuskrip ini adalah jelas dan mudah dibaca. Namun, terdapat beberapa bahagian yang rosak sama ada pada bahagian atas, bawah, awal baris dan juga hujung baris. Beberapa halaman awal manuskrip ini juga hilang tak tersuruhkan.

Manuskrip ini memuatkan 14 bab. Setiap bab ada fasal-fasalnya yang tersendiri. Bab pertama ada sekurang-kurangnya 15 halaman (kerana hilang itu). Yang ada itu bermula dengan halaman 8, diikuti dengan 7, 47, 48, 45, 46, 43, 44, 41, 42, 39, 40, 49, 50 dan diakhiri dengan halaman 5. Bab ini memuatkan 16 fasal. Fasal pertama ialah mengenai pemeliharaan diri pada waktu sihat, fasal kedua mengenai minum air, fasal ketiga mengenai pemeliharaan gerak tubuh, fasal keempat tentang pemeliharaan diri daripada berdiam diri, fasal kelima tentang pemeliharaan tidur, fasal keenam mengenai pemeliharaan jaga, fasal ketujuh mengenai pemeliharaan “wati”, fasal kelapan mengenai pemeliharaan diri daripada kena angin, fasal kesembilan mengenai pemeliharaan segala yang lagi akan datang kepada nafsu, fasal kesepuluh tentang pemeliharaan anggota dengan bersuci tubuh, fasal kesebelas mengenai pemeliharaan mata, fasal kedua belas mengenai pemeliharaan gigi, fasal ketiga belas tentang pemeliharaan anggota dengan menyelesaikan janggut, fasal keempat belas mengenai pemeliharaan diri daripada menahan buang air kecil dan buang air besar, fasal kelima belas

mengenai pemeliharaan anggota dengan “berhinai” janggut, kepala, tapak tangan dan tapak kaki dan fasal keenam belas mengenai berbaik warna tubuh supaya jadi kuning.

Bab kedua manuskrip ini pula memuatkan tentang mengeluarkan segala penyakit dalam tubuh. Ada enam halaman bermula dengan halaman 5, diikuti dengan halaman 6, 9, 10, 11 dan halaman 12. Bab ini mengandungi lima fasal. Fasal pertama adalah mengenai berbuang darah, fasal kedua mengenai bergaru, fasal ketiga mengenai faedah pencahar, fasal keempat mengenai penawar selepas makan pencahar dan fasal kelima mengenai menghilangkan penyakit dalam perut dengan sebab muntah.

Bab ketiga pula memperkatakan tentang ubat penyakit pada kepala. Bab ini dimulakan dengan halaman 12 - 23. Ia memuatkan sembilan fasal. Fasal pertama mengenai ubat penyakit kepala bernama *tha'labah*, fasal kedua mengenai ubat berbanyak rambut, fasal ketiga mengenai ubat “hubanan”, fasal keempat mengenai ubat “barangkali” tumbuh sesuatu daripada rambut yang jahat pada tubuh atau pada kepala, fasal kelima mengenai ubat kesat dan “kurap hayam” dan “halimumur”, fasal keenam mengenai ubat sakit kepala, fasal ketujuh mengenai ubat kepala pening, fasal kelapan mengenai ubat ngilu dan fasal kesembilan mengenai ubat pitam.

Di samping itu, bab keempat membicarakan mengenai ubat penyakit pada muka. Bab ini hanya terkandung dalam dua halaman sahaja, iaitu halaman 23 dan 24. Ia memuatkan satu fasal sahaja iaitu mengenai penyakit muka yang bernama “ketuhtuhan”.

Bab kelima pula memperkatakan mengenai ubat penyakit pada mata. Bab ini mengandungi 13 halaman, bermula dari halaman 24 - 36. Ia juga memuatkan 12 fasal. Fasal pertama mengenai ubat mata yang “sapar”, fasal kedua mengenai ubat “mata patikan”, fasal ketiga mengenai ubat mata ketumbuhan, fasal keempat mengenai ubat mata merah, fasal kelima mengenai ubat mata daging-daging, fasal keenam mengenai ubat “mata keterkanan”, fasal ketujuh mengenai ubat “mata bilas”, fasal kelapan mengenai ubat sakit mata, fasal kesembilan mengenai ubat penyakit hendak buta, fasal kesepuluh mengenai ubat “mata lukup hayaman”, fasal kesebelas mengenai ubat buta larangan dan fasal kedua belas mengenai ubat mata luka tercucuk.

Selain itu, bab keenam pula adalah mengenai ubat penyakit pada telinga. Bab ini mengandungi tiga halaman sahaja, bermula dari halaman 36 - 38. Bab ini juga hanya mengandungi dua fasal sahaja, iaitu fasal mengenai telinga berdarah atau bernanah dan fasal mengenai membunuh “almayar” dan “tempiras” dalam telinga.



Bab ketujuh pula memuatkan perbincangan mengenai ubat penyakit hidung. Bab ini mengandungi empat halaman, bermula dengan halaman 38 dan diikuti oleh halaman 51 - 53. Bab ini juga mengandungi dua fasal sahaja. Fasal pertama mengenai selsema, manakala fasal kedua pula mengenai ubat “restung”.

Sementara itu, bab kelapan memberi penjelasan mengenai ubat penyakit pada mulut dan gigi. Bab ini terkandung dalam tiga halaman, bermula dari halaman 53 - 55. Bab ini memuatkan dua fasal, iaitu fasal mengenai ubat sakit gigi dan fasal mengenai berbuang ulat gigi.

Selain itu, bab kesembilan pula memperkatakan mengenai ubat penyakit di dalam leher, iaitu bengkak dan batuk. Bab ini terkandung dalam sepuluh halaman, bermula dari halaman 55 - 64. Bab ini juga mengandungi lima fasal. Fasal pertama ialah mengenai ubat batuk, fasal kedua mengenai ubat “esak”, fasal ketiga mengenai ubat orang sedu, fasal keempat mengenai ubat suara parau atau batuk dan fasal kelima mengenai ubat penyakit dalam “rengkungan”.

Bab kesepuluh pula adalah mengenai ubat melakukan angin atau yang menyucuk manikam atau sakit perut dan dada menyucuk rusuk kiri kanan atau ari-ari. Bab ini mempunyai enam halaman, bermula dari halaman 64 -69. Bab ini juga turut memuatkan tiga fasal. Fasal pertama mengenai ubatnya, fasal kedua mengenai ubat “medu” dan fasal ketiga pula mengenai ubat penyakit hidup.

Selain itu, bab kesebelas adalah mengenai ubat penyakit dalam perut. Bab ini terkandung dalam 19 halaman, bermula dari halaman 69 - 87. Bab ini dipecah kepada bahagian dan juga fasal. Terdapat lapan bahagian dan sembilan fasal dalam bab ini. Bahagian pertama ialah mengenai sakit jantung, bahagian kedua mengenai penyakit di dalam perut daripada angin yang kering perangnya, bahagian ketiga mengenai sakit yang terbit daripada *ma'idahnya*, bahagian keempat mengenai “kenyang dusta”, bahagian kelima mengenai hendak muntah juga tiada daya muntah dan benci ia mencium bau makanan tetapi perutnya lapar, bahagian keenam mengenai sakit pusatnya berembut-embut bergerak-gerak uratannya, bahagian ketujuh mengenai bengkak tubuhnya dan kembung perutnya, dan bahagian kelapan mengenai penyakit pada perut yang sengkak.

Sembilan fasal yang turut dimuatkan dalam bab ini ialah yang pertama mengenai ubat perut menyengkak, fasal kedua mengenai ubat perut buang air akan darah, fasal ketiga mengenai ubat “ragham”, fasal keempat mengenai penyakit buasir, fasal kelima mengenai ubat “calit”, fasal keenam mengenai ubat ”seriawan”, fasal ketujuh mengenai ubat penyakit pada perut yang bernama gelang-gelang, fasal kelapan mengenai



ubat "cika" dan fasal kesembilan mengenai ubat "orang tuha" dan kanak-kanak.

Di samping itu, bab kedua belas pula adalah mengenai ubat penyakit pada pinggang. Bab ini mengandungi 20 halaman, bermula dari halaman 87 - 106. Bab ini memuatkan 11 fasal. Fasal pertama mengenai punca penyakit pada pinggang, fasal kedua mengenai ubat yang bernama "mani", fasal ketiga mengenai ubat karangan, fasal keempat mengenai ubat batu-batuan, yakni "burut", fasal kelima mengenai ubat "badam", fasal keenam mengenai ubat panau, fasal ketujuh mengenai ubat kurap, fasal kelapan mengenai ubat "kedal", fasal kesembilan mengenai ubat sopak, fasal kesepuluh mengenai ubat risa dan fasal kesebelas mengenai ubat minyak lompat.

Bab ketiga belas pula memuatkan penjelasan mengenai ubat puru parang dan lainnya. Bab ini mengandungi tujuh halaman, bermula dari halaman 106 - 112. Bab ini hanya memuatkan satu fasal sahaja, iaitu fasal mengenai ubat parang atau singa.

Selain itu, bab keempat belas pula adalah mengenai berbuat makjun. Bab ini agak besar apabila ia meliputi 26 halaman, bermula dari halaman 112 - 126 dan diikuti pula dengan halaman 131 - 133, 128 - 130, 127 dan seterusnya halaman 134 - 137. Bab ini memuatkan sepuluh fasal. Fasal pertama mengenai syarat makan "pijar", fasal kedua mengenai naskah makjun daripada Syeikh Nazaruddin, fasal ketiga mengenai tiap-tiap perempuan yang tiada beranak adalah padanya tujuh sebab, fasal keempat mengenai hikmat pengunci, fasal kelima mengenai hikmat melemahkan zakar orang, fasal keenam mengenai syarat "qahar" dan sangat ghalib, fasal ketujuh mengenai ubat zakar lemah, fasal kelapan mengenai ubat ghalib, fasal kesembilan mengenai perkasih pada perempuan dan fasal kesepuluh mengenai hendak mengetahui orang yang mencuri harta kita.


## **2. Pengaruh Peradaban Islam menerusi Penggunaan *Wafak***

Kami takrif *wafak* (atau disebut juga sebagai *wifik*) sebagai huruf-huruf, angka-angka atau ayat-ayat yang merupakan wirid dan doa dengan sebahagiannya dalam bentuk gambar rajah dan rajah (lihat Internet 1).


Terdapat 46 *wafak* yang digunakan dalam MSS1292 Kitab Tibb. Daripada jumlah tersebut, terdapat 34 *wafak* yang berpengaruh Islam. Kami tidak bercadang untuk memaparkan kesemua 34 *wafak* tersebut. Sebaliknya, kami hanya akan memaparkan beberapa contoh *wafak* yang menunjukkan pengaruh peradaban Islam yang berbeza. *Wafak* untuk




mengubati kepala pening, mengubati kayap, “cika” dan menguatkan zakar misalnya, antara *wafak* yang mempunyai pengaruh tersebut. *Wafak* untuk mengubati kepala pening ditulis sebegini: (MSS1292:19):




*Wafak* untuk mengubati perut kayap pula ditulis sebegini: (MSS1292:77)



Manakala *wafak* untuk mengubati “cika” ditulis sebegini: (MSS1292:85)



*Wafak* untuk menguatkan zakar pula ditulis sebegini: (Ibid:125):









					ب	ا
ذ	د	خ	ح	ج	ث	ت
ط	ض	ص	ش	س	ز	ر
ك	ق	ف	غ	ع	ظ	ن
ي	ء	لا	ه	و	م	

wafak untuk menguatkan zakar (ibid:126) seperti


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَوْ هُمْ رَأَوْا آيَاتِ اللَّهِ كَمَا رَأَوْا آيَاتِ اللَّهِ لَظَنُّوا أَنَّهُمْ كَانُوا مَعَهُ


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan






Di samping itu, pengaruh peradaban Islam juga boleh dilihat menerusi kewujudan kalimah syahadah yang sememangnya merupakan kalimah agung dalam Islam. *Wafak* yang digunakan untuk mengubati “cika” (ibid:85) seperti yang telah dinyatakan sebelum ini turut memuatkan perkara ini, selain daripada memuatkan angka. *Wafak* tersebut ditulis sebagai:



*Wafak* digunakan untuk mengubati sakit badan (ibid:120), iaitu




*wafak* yang digunakan sebagai pengasih (ibid:134), iaitu




dan *wafak* yang boleh digunakan untuk mempercepatkan jodoh perempuan (ibid:135) iaitu memuatkan penggunaan Allah, kalimah Muhammad dan Musa. Selain itu, satu lagi *wafak* untuk mengetahui rahsia perempuan (ibid:135)






iaitu juga turut memuatkan kalimah mengucapkan dua kalimah syahadah serta *wafak* yang digunakan untuk mengetahui rahsia perempuan (ibid:135) iaitu



pula memuatkan kalimah Allah di dalamnya.



Jelas di sini bahawa, pengaruh peradaban Islam memang wujud dengan ketara dalam MSS1292 Kitab Tibb, khususnya dalam penulisan wafak yang digunakan untuk tujuan pengubatan.

### 3. Pengaruh Peradaban Islam menerusi penggunaan ungkapan, gesaan dan hukum-hakam dalam MSS1292 Kitab Tibb

Antara ungkapan keislaman yang dinyatakan di dalam manuskrip ini ialah *insya Allah, wa Allah a'lam, Allah, bi ism Allah, bi ism Allah al-rahman al-rahim, alhamd li Allah, la ilah illa Allah Muhammad Rasulallah, ya qadiya al-hajat* dan *ya ghafur* serta tasbih *ayat al-kubra*. Beberapa nama terkemuka dalam Islam juga turut diselitkan, seperti nama Nabi Ilyas dan nama Luqman al-Hakim, serta nama-nama sahabat seperti Umar bin al-Khattab r.a. dan juga Ali bin Abi Talib k.r.w. Perkataan Malaikat juga turut disebut. Selain itu, nama Rasulallah s.a.w.



dan Malaikat Jibra'il juga turut disebutkan dalam manuskrip ini. Antara contoh ungkapan yang memuatkan nama Rasulullah dan juga Malaikat adalah seperti "daripada Rasulullah s.a.w. diajarkan Jibra'il" (ibid:112), "ia menengar daripada Rasulullah s.a.w." (ibid:115), dan "diajarkan Jibra'il akan Nabi kita s.a.w." (ibid:116).

#### **4. Pengaruh Peradaban Islam menerusi: Ungkapan Keislaman**

Sementara itu pengaruh peradaban Islam juga boleh dilihat dengan jelas menerusi ungkapan-ungkapan seperti "afiat olehnya dengan tolong Tuhan seru sekalian alam" (ibid:36), "tiadalah menderita ghalib zakarnya itu dengan anugerah Allah taala dan berkat Muhammad Mustafa s.a.w." (ibid:124), "dengan anugerah Allah keras olehnya" (ibid:128) dan "jikalau ada melihat cahaya matahari atau suluh jikalau sedikit lalu jua pun dengan kurnia Allah dan dengan syafaat Rasulullah..." (ibid:27). Begitu juga dengan ungkapan "memakai dia (yakni celak) pada waktu maghrib lalu kepada waktu isyak" (ibid:27). Sama juga keadaannya dengan ungkapan "*nawaytu al-siwak sunnat li Allah ta'ala* artinya sahaja ku bersugi sunat dengan kerana Allah taala" (ibid:49).

#### **5. Gesaan Keislaman**

Beberapa gesaan yang boleh dikaitkan dengan Islam pula ialah gesaan agar berwuduk dan seterusnya mengerjakan sembahyang sunat dua rakaat untuk menghilangkan perasaan marah (ibid:42), gesaan agar membaca doa atau ayat *al-Qur'aan* dalam merawat batuk (ibid:58) dan gesaan agar membaca selawat kepada Nabi s.a.w. ketika menelan ubat mani (ibid:92).

#### **6. Pengaruh Tamadun Islam Menerusi Hukum-Hakam Keislaman**

Terdapat juga pernyataan mengenai hukum-hakam seperti yang lazimnya terdapatnya dalam peradaban Islam. Antara hukum yang disebutkan dalam manuskrip ini ialah "makruh bersugi itu membujur gigi kerana sebab syaitan bersugi demikian itu" (ibid:50), "tiada harus bergaru melainkan pada ketika darurat jua" (ibid:6), "bermula yang harus digaru itu pada sama tengah belakang atau kepala yang di atas tundun" (ibid:6). Perkara-perkara sunat yang dinyatakan pula ialah "sunat pada hari jumaat mandi dan menanggal kuku dan berandam misai dan membantun bulu ketiak dan menyukur bulu ari-ari dan sunat bagi perempuan membentan

bulu ari-arinya dan membubuh minyak pada kepala dan segala tubuh dan berlimau dan bersisir jika rambut panjang dalam tiga hari itu yakni hari jumaat dan isnin dan khamis” (ibid:39) serta “sunat bersugi itu melintang gigi tiga kali gigi kanan yang di atas...yang dikiri tiga kali maka gigi yang di bawah yang di kanan tiga kali maka gigi yang di bawah di kiri...barang kali sudah bersugi maka dibasuhnya sugi itu maka berkumur-kumur” (ibid:49-50).

## 7. Pengaruh Peradaban Islam menerusi Penggunaan Ayat *al-Qur'aan*

Secara keseluruhannya, ayat *al-Qur'aan* disebut pada 45 tempat dalam MSS1292 *Kitab Tibb*. Ini membuktikan bahawa manuskrip yang memuatkan mengenai pengubatan Melayu ini jelas menggunakan anasir agama Islam dalam pengubatan. Kami akan mengemukakan bukti penggunaan ayat *al-Qur'aan* dalam pengubatan itu.

Surah *al-Fatihah* misalnya dibacakan untuk mengubati “cika” (ibid:84), manakala surah *al-Ikhlās* pula dibacakan untuk mengubati sakit kepala (ibid:17) dan pening kepala (ibid:19). Ayat 130 dari surah *al-Syu'ara'* dan ayat 45 dari surah *al-Baqarah* digunakan dalam mengubati kepala pening (ibid:19), ayat 37 dari surah *al-Hajj*, ayat 1-4 dari surah *Maryam* dan ayat 70 dari surah *Yasin* digunakan dalam mengubati ngilu (ibid:20-21). Manakala ayat 196 dari surah *al-Baqarah* digunakan dalam mengubati ngilu atau sakit kepala sebelah (ibid:20).. Selain itu, ayat 66 dari surah *Yasin* dan ayat 111 dari surah *Taha* digunakan dalam mengubati sakit mata (ibid:34), ayat 25 dari surah *al-Nazi'at* digunakan dalam mengubati esak atau batuk (ibid:59). dan ayat 66 dari surah *al-Nahl*, ayat 8 dari surah *Ali 'Imran* atau ayat 35 dari surah *Shad* digunakan dalam mengubati sakit hati (ibid:65). Manakala ayat 91 dari surah *al-Anbiya'* atau ayat 12 dari surah *al-Tahrim* pula digunakan dalam mengubati penyakit perut bergelang-gelang (ibid:84) dan ayat 17 dari surah *al-An'am* digunakan dalam mengubati sakit dingin (ibid:117).

Pada dasarnya, ayat *al-Qur'aan* yang dimuatkan dalam manuskrip tersebut tidak dinyatakan bilangan ayat. Apa yang dipaparkan hanyalah ayat *al-Qur'aan* itu sendiri. Jika ayat *al-Qur'aan* yang digunakan itu pula membabitkan keseluruhan surah, maka penulis manuskrip didapati menyebut perkataan surah yang dimaksudkan dan diikuti dengan ayat permulaan bagi surah tersebut. Ada juga keadaan tempat penulis manuskrip didapati hanya menyebut ayat pertama bagi surah yang dimaksudkan untuk menggambarkan keseluruhan surah tersebut. Walau bagaimanapun, bagi surah *al-Fatihah* penulis didapati



hanya menyebut nama surah itu sahaja tanpa menyebut ayat permulaannya. Manakala dalam kes surah *al-Ikhlâs* pula, penulis manuskrip didapati menyebut nama surah berkenaan ataupun hanya menyebut ayat pertama dari surah yang dimaksudkan bagi menggambarkan keseluruhan surah tersebut.

Walaupun ayat al-Qur'aan yang dinyatakan dalam manuskrip tersebut tidak jelas dari segi bilangan ayat dan nama surahnya, namun kami berjaya mengesan maklumat ini berdasarkan carian dalam *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'aan al-Karim* ('Abd al-Baqi 1987).

## 8. Pengaruh Peradaban Islam menerusi *Sunnah*

Selain daripada ungkapan, gesaan atau hukum-hakam yang menunjukkan wujudnya pengaruh Islam, ayat *al-Qur'aan*, doa dan *Sunnah* juga agak banyak diselitkan dalam manuskrip ini. Isma'il, Lamyâ dan al-Faruqi (1992:119) menyifatkan *Sunnah* sebagai koleksi sabda dan perbuatan *Rasulullah s.a.w.* Koleksi sabda ini juga disebut hadis. Hadis yang disebutkan dalam manuskrip ini boleh ditemui pada halaman 8-7, 46, 44, 41, 41-42, 40, 49, 6 dan 136. Ini bermakna sebahagian besar hadis terkandung dalam bab 1. Manakala dua hadis terakhir terkandung dalam bab 2 dan bab 14. Pada halaman 8-7, hadisnya berbunyi *man shariba al-ma' qa'iman ibtalah Allah ta'ala bi da' la dawa' lah*, maksudnya minum air seraya berdiri dikutuk Allah taala dengan penyakit yang tiada ubat baginya (ibid:7-8). Hadis ini disebut dalam bab 1 fasal pertama mengenai pemeliharaan diri pada waktu sihat agar tidak terkena penyakit. Ketika menyebut tentang adab makan dan minum, penulis manuskrip ini telah meletakkan hadis tersebut, dipercayai untuk menguatkan hujah beliau mengenai adab makan dan minum yang disarankan agar dilakukan dalam keadaan duduk.

Semakan ke atas Wensinck (1936) yang merupakan indeks kepada kitab-kitab hadis berautoriti seperti *Sahih Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan Ibn Majah*, *Musnad al-Darimi*, *Muwatta' Imam Malik* dan *Musnad Imam Ahmad* gagal menemui hadis ini seperti yang dicatatkan di dalam manuskrip. Namun, hadis yang membawa maksud larangan meminum air sambil berdiri boleh ditemui dalam beberapa kitab hadis yang disenaraikan di atas. Antaranya ialah *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan Ibn Majah*, *Musnad al-Darimi* dan *Musnad Imam Ahmad*. Di dalam *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan Ibn Majah* dan *Musnad al-Darimi*, hadis seumpama ini dimuatkan di dalam *Kitab al-Ashribah* di bawah nama bab yang berbeza. *Sahih Muslim*



(Muslim 1990:197) dan *Sunan Abi Daud* (Al-Az:1999;jil.3,1607) memuatkannya di dalam *bab fi al-shurb qa'iman*. Sementara *Sunan al-Tirmidhi* (Abu 'Isa:79) pula memuatkannya di bawah *bab ma ja'a fi al-nahy 'an al-shurb qa'iman*. Manakala *Sunan Ibn Majah* (Al-Qazwini: 1998;jil.3) pula meletakkannya di bawah *bab al-shurb qa'iman*. Dalam pada itu, *Musnad al-Darimi* (Al-Darimi:jil:599) pula didapati meletakkannya di bawah *bab man kariha al-shurb qa'iman*. Selain itu, *Musnad Imam Ahmad* (Ibn Hambal:1995) pula didapati memuatkan hadis seumpama ini di dalam jilid 10 dan jilid 11.

Hadis dalam manuskrip ini pada halaman 46 pula menyatakan *man nazal al-mani fi rahim al-nisa' fi ghayr halat wa yahkum Allah ta'ala fi al-nar alf sanat min 'adlab al-shadid*, maksudnya barang siapa menurunkan maninya pada rahim perempuan yang lain daripada yang halal dan dihukumkan Allah taala ia di dalam neraka seribu tahun daripada seksa yang amat sangat (ibid:46). Hadis ini juga dimuatkan dalam bab 1, tetapi dalam fasal ketujuh mengenai pemeliharaan "wati". Penulis manuskrip menyebut bahawa mani hendaklah dikeluarkan pada tempat yang halal. Beliau seterusnya menyebut hadis yang tertera di atas sebagai membuktikan kebenaran kata-katanya. Semakan kami ke atas Wensinck (1936) gagal menemui hadis ini atau seumpamanya di dalam mana-mana kitab hadis berwibawa. Walau bagaimanapun adalah jelas bahawa hukum perbuatan menyetubuhi perempuan yang bukan isteri yang sah adalah haram.

Selain itu, halaman 44 pula mengandungi hadis qudsi yang berbunyi *la tasub al-rih fa innaha min nafsi*, maksudnya jangan kamu sumpah angin kerana ia daripada diriku (ibid:44). Larangan menyumpah angin adalah kerana angin itu asalnya daripada Malaikat. Hadis ini adalah merupakan satu-satunya hadis qudsi yang disebutkan dalam manuskrip ini. Apa yang dimaksudkan dengan hadis qudsi ialah maksud dan pengertiannya daripada Allah, manakala kata-katanya daripada Nabi Muhammad s.a.w. sendiri (Nawawi 1994). Hadis ini juga dirakamkan dalam bab 1. Ia dimuatkan dalam fasal kelapan mengenai pemeliharaan diri daripada kena angin. Semakan yang dilakukan oleh kami ke atas Wensinck (1936) mendapati bahawa hadis seumpama ini dimuatkan di dalam *Sunan Ibn Majah* dan *Musnad Imam al-Quzwini(...jil:316)* memuatkannya di dalam *Kitab al-Adab* di bawah *bab al-nahy 'an sabb al-rih*. Manakala *Musnad Imam Hambali (Ibn Hambali:425)* pula memuatkannya di dalam jilid 7.

Pada halaman 41 pula terdapat dua hadis. Hadis yang pertama ialah *fa 'ala al-'aqil min ummati la tufrihu bi sabab tashdid al-tafrih lianna dhalik yazid al-ghurur wa al-riya wa la tay'asu bi sabab tashdid*

*al-tayawus lianna dhalik yazid al-marid wa huwa kan min 'ind Allah 'alayh al-su'*, maksudnya "sayugianya atas segala yang berakal daripada umatku jangan sukacita ia dengan sebab datang kepadanya kesukaan kerana bahawasanya demikian itu menjadi *ghurur* dan *riya* dan jangan bercinta dengan kerana sebab sehangat percintaan kerana demikian itu menambah penyakit dan iaitu pada Allah taala hamba yang jahat"(ibid:41). Hadis ini juga disebut dalam bab 1 dalam fasal kesembilan mengenai pemeliharaan segala yang lagi akan datang kepada nafsu. Dalam fasal ini, penulis manuskrip meminta manusia supaya melawan perasaan sukacita dan dukacita yang keterlaluan. Ini kerana perasaan tersebut boleh menyebabkan manusia menjadi sakit dan semakin kurus hingga akhirnya membawa maut. Permintaan ini disusuli dengan menyebut hadis yang tertera di atas. Apabila kami melakukan semakan pada Wensinck (1936), didapati bahawa hadis ini atau hadis yang membawa maksud yang seumpama dengannya tidak dicatatkan di dalam mana-mana kitab hadis.

Sementara itu, hadis kedua yang disebutkan dalam halaman yang sama menyatakan "tiada jua seseorang hamba Allah sampai kepadanya percintaan dan dukacita melainkan disuruh baca padanya doa ini supaya diluputkan Allah daripadanya percintaan dan dukacita inilah doanya *allahdumma ana 'abduk wa ibn ummatik nasiyati bi yadak mad fi hukmik 'adl fi fada'ik as'aluk bi kull ism hawlak sammayt bih nafsak aw unzilaf fi kitaabik aw...ahad min khalqik in sha' narithuh fi 'ilm al-ghayb 'indak an taj'al al-Qur'aan rabi' qalbi wa nur bashari wa shifa' shadri wa jala' huzni wa dhihab hammi wa ghammi bi rahmatik ya arham al-rahimin"* (ibid:41-42). Hadis ini menyarankan doa yang patut dibaca ketika manusia berada dalam keadaan dukacita. Hadis ini hanya dinyatakan terjemahannya sahaja dalam manuskrip ini. Teks hadis dalam bahasa Arab tidak dinyatakan. Semakan ke atas *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi* (wensinck 1936) juga gagal menemui hadis ini atau yang seumpama dengannya.

Selain itu, halaman 40 pula merupakan halaman yang paling banyak memuatkan hadis. Ini terbukti menerusi pemaparan empat hadis di dalamnya. Hadis pertama yang disebutkan ialah berkata Suhayb r.a. sabda Nabi s.a.w "lazimkan oleh kamu dengan memakai celak *ithmid* pada malam pada ketika hendak berbaring kamu pada ketiduran kamu maka bahawasanya iaitu daripada yang menambah terang di dalam penglihatan mata dan menambahkan rambut" (ibid:40). Hadis ini hanya disebutkan terjemahannya sahaja. Hadis kedua yang disebut ialah bahawa sesungguhnya adalah Nabi s.a.w. memakai celak mata tiga kali pada mata kanan dan tiga kali pada mata kiri (ibid:40). Seperti hadis di atas, hadis



ini juga tidak dinyatakan teks asalnya. Hadis ketiga pula menyatakan bahawasanya adalah Nabi s.a.w. memakai celak tiga kali pada mata yang kanan dan dua kali pada mata yang kiri (ibid:40). Hadis ini juga tiada dinyatakan teks asalnya. Hadis keempat dalam halaman yang sama pula menyatakan *takahhalu bi al-ithmid fa innah yajid al-basharah wa naybat al-'ash'arat*, maksudnya, “perbanyak olehmu bercelak dengan batu yang hitam kerana ia menerangkan penglihatan mata dan menambahkan bulu mata” (ibid:40) Kesemua hadis yang disebutkan dalam halaman 40 ini terdapat dalam bab 1 fasal kesebelas mengenai pemeliharaan mata menggunakan celak.

Carian di dalam *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi* (Wensinck,1936) mendapati bahawa hadis seumpama ini ada dimuatkan di dalam *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan Ibn Majah*, *Musnad al-Darimi* dan *Musnad Imam Ahmad*. Di dalam *Sunan al-Nasa'i* (al-Nasa'i 1995), hadis seumpama ini dimuatkan di dalam *Kitab al-Zinah* di bawah *bab al-kuhl*. *Sunan Abi Daud* (al-Azdi, jil.2:775-76) pula memperkatakan mengenainya di dalam *Kitab al-Sawm* di bawah *bab fi al-kuhl 'ind al-nawm li al-sa'im*. Hadis seumpamanya juga turut disebut di dalam *Kitab al-Tib* di bawah *bab fi al-amr bi al-kahl* (al-Azdi, jil.4:1670), manakala *Sunan Ibn Majah* (al-Qazwini, jil.3:235-36) pula meletakkannya di dalam *Kitab al-Tib* di bawah *bab al-kuhl bi al-ithmid*. Sementara itu, *Musnad al-Darimi* (al-Darimi, jil.1:461) memuatkannya di dalam *Kitab al-Sawm* di bawah *bab al-kuhl li al-sa'im*. Selain itu, *Musnad Imam Ahmad* (ibn Hambal, jil.2:500;jil.3:21, 126, 322, 411-12; jil.12:441) pula didapati memuatkan hadis ini di dalam jilid 2, jilid 3 serta jilid 12.

Sementara itu, halaman 49 pula didapati merekodkan dua hadis. Hadis pertama yang disebut ialah *tayyibu afwahakum bi al-siwak fa innaha tariq al-Qur'aan*, maksudnya “persucikan oleh kamu mulut kamu dengan bersugi maka bahawasanya mulut itu jalan al-Qur'aan” (ibid:49). Hadis kedua dalam halaman yang sama ialah *tasawwaku fa inna al-siwak mutayyib al-fam wa nuwwir al-qalb wa mardat li al-rab*, maksudnya “bersugilah kamu maka bahawasanya segala yang bersugi itu menyucikan mulut dan menerangkan hati dan meredakan bagi tuhan” (ibid:49) Kedua-dua hadis tersebut direkodkan dalam bab 1 fasal kedua belas mengenai pemeliharaan gigi dengan cara bersugi.

Semakan kepada Wensinck (1936) mendapati bahawa hadis seumpama ini disebut di dalam *Sahih al-Bukhari*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Ibn Majah*, *Musnad al-Darimi* dan *Musnad Imam Ahmad*. Di dalam *Sahih al-Bukhari* (ibn al-Jawzi, 2000, jil.2:67-68), hadis seumpama ini dinyatakan di dalam *Kitab al-Sawm* di bawah *bab siwak al-ratb wa al-*

*yabis li al-sa'im*. *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Ibn Majah* dan *Musnad al-Darimi* pula menyebut hadis seumpama ini di dalam *Kitab al-Taharah*. *Sunan al-Nasa'i* (al-Nisa'i, jil.1:10) meletakkannya di bawah *bab al-targhib fi al-siwak*. *Sunan Ibn Majah* (al-Qazwini, jil.1:152-153) pula meletakkannya di bawah *bab al-siwak*. *Musnad al-Darimi* (al-Darimi, jil.1:165) meletakkannya di bawah *bab fi al-siwak matharat li al-fam*. Sementara itu, *Musnad Imam Ahmad* (Ibn Hanbal, jil.1:169, 191, jil.17:258-59, 300, 465, 522-23;jil.18:413) pula menyebut hadis seumpama ini di dalam jilid 1 serta jilid 18.

Selain itu, penelitian kami juga mendapati hadis turut dimuatkan dalam bab 2. Satu-satunya hadis yang terdapat dalam bab ini ialah hadis mengenai kebaikan bergaru sehingga disifatkan sebagai salah satu daripada ubat. Hadis tersebut ialah *shifa' ummati fi ahad thalatha la'qah min 'asl aw surut min hijam aw las'ah min nar wa muslim ahabba yaktawi min dam* artinya "akan ubat umatku pada seorang tiga perkara pertama diminumnya sejalak daripada air madu atau berpetik dan bergaru atau disiat daripada api tiada aku gemar yang ditolak dibuangi darah" (ibid:6). Hadis ini disebut dalam fasal kedua mengenai pemeliharaan bergaru. Semakan menerusi Wensinck (1936) al-Nabawi mendapati bahawa hadis seumpama ini dimuatkan di dalam *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Ibn Majah* dan *Musnad Imam Ahmad*.

*Sahih al-Bukhari* memuatkannya di dalam *Kitab al-Tib* menerusi *bab al-shifa' fi thalath* (Ibn al-Jawzi, jil.4:49-50) *bab al-dawa' bi al-'asal wa qawl Allah ta'ala fih shifa' li al-nas* (Ibn al-Jawzi, 2000 4: 50), *bab al-hijamah min al-shaqiqah wa suda'* (Ibn al-Jawzi, 2000 4: 55) dan *bab man iktawa aw kawa ghayrah wa fadl man lam yaktawi* (Ibn al-Jawzi, 2000 4: 56). *Sahih Muslim* (jil.14:192-93) pula memuatkan hadis seumpama ini di dalam *Kitab al-Salam* di bawah *bab li kull da' dawa' wa istihbab al-tadawa*. Sementara itu, *Sunan Ibn Majah* (al-Qazwini jil.3:234) pula memuatkan hadis seumpama ini di dalam *Kitab al-Tib* di bawah *bab al-kayyi*. *Musnad Imam Ahmad* (Ibn Hambal, jil.3:16;jil.11:518) pula memuatkan hadis seumpama ini di dalam jilid 3 dan jilid 11.

Sementara itu, satu-satunya hadis yang terdapat dalam bab 14 pula ialah hadis mengenai waktu yang mustajab untuk berdoa. Hadis ini disebutkan dalam fasal kesepuluh mengenai hendak mengetahui orang yang mencuri harta kita. Dalam hal ini, penulis manuskrip ada memasukkan doa kepada Allah sebagai salah satu ikhtiar untuk mengetahui siapa yang mencuri harta kita . Oleh itu, beliau telah membawa satu hadis mengenai waktu untuk berdoa agar doa itu lebih mustajab. Hadis tersebut bermaksud tujuh tempat barang siapa meminta



doa tiada tertolak pertama tatkala imam mengata amin mintalah doa di sana barang yang dikehendaki kedua tatkala mengadap...keempat tatkala hujan yang sangat lebat atau pada tatkala...yang sangat keras kelima tatkala sepertiganya malam ataupun tengah malam pada ketika sunyi keenam tatkala orang membaca surat *al-An'am* tatkala menyebut ism jalalah ketujuh pada tatkala...daripada bang dan qamat dan tatkala khatib naik mimbar dan tatkala duduk antara dua khutbah maka mintalah doa di sana mustajab *insya Allah taala* (ibid:136-137). Penulis manuskrip ini didapati tidak menyebut teks asal kepada hadis tersebut.

Carian di dalam (Wensinck 1936) mendapati bahawa hadis seumpama ini ada dimuatkan di dalam *Sunan al-Tirmidhi* dan *Musnad Imam Ahmad*. *Sunan al-Tirmidhi* (Abu 'Isa Muhammad jil.1:408) memuatkan hadis seumpama ini di dalam *Kitab al-Solah* di bawah bab *ma ja'a fi (anna) al-du'a' (la yurad) bayn al-adhan wa al-iqamah*. Manakala *Musnad Imam* (Ibn Hanbal jil.19:385; jil.11:242; jil.12:512) *Ahmad* pula memuatkan hadis seumpama ini di dalam jilid 10, jilid 11 dan jilid 12. Walau bagaimanapun empat hadis yang pertama hanya memperkatakan mengenai doa yang mustajab diantara waktu azan dan iqamah. Manakala hadis terakhir pula hanya memperkatakan mengenai doa yang mustajab pada waktu malam.

Selain daripada hadis, sunnah yang disebutkan pula ialah sunnah Nabi s.a.w. mengenai amalan bercelak dengan didahului oleh mata kanan dan kemudian diikuti oleh mata kiri setiap kali hendak tidur (ibid:40). Penulis manuskrip juga mengutarakan sunnah Nabi s.a.w. mengenai bersugi ketika bangkit daripada tidur, mendirikan sembahyang lima waktu dan ketika berubah bau mulut (ibid:49) Satu lagi sunnah yang disebutkan ialah pemeliharaan anggota dengan berhinai janggut, kepala, kedua tapak tangan dan kedua tapak kaki (ibid:50).

## **9. Pengaruh Peradaban Islam menerusi Penggunaan Doa**

Selain daripada ayat *al-Qur'aan*, pengaruh peradaban Islam di dalam MSS1292 juga boleh dilihat menerusi penggunaan doa. Antara doa yang disebutkan dalam manuskrip ini ialah doa yang dibaca pada kepala yang sakit (ibid:17), doa yang ditulis pada kertas untuk dijadikan tangkal bagi merawat ngilu kepala (ibid:20) dan doa yang ditulis pada mangkuk sabun untuk dijadikan tangkal bagi merawat penyakit yang sama (ibid:20-21), doa untuk merawat "mata lukup hayaman"(ibid:36), doa yang ditulis pada mangkuk putih untuk mengubati sakit hati (ibid:66), doa yang dibaca pada kapur untuk mengubati perut senak (ibid:74), doa yang

dibaca untuk mengubati penyakit muntah atau sakit mata atau barah atau bisul atau banyak keluar peluh atau luka atau tumpah darah (ibid:86), doa untuk mengubati barah buntut (ibid:105),, doa ketika tergeliat (ibid:106),, doa untuk menguatkan zakar serta doa untuk membesar dan memanjangkan zakar (ibid:125), doa supaya tidak memberi uzur kepada lelaki (4 doa diberikan) (ibid:126), doa untuk mengubati zakar lemah (ibid:128), doa ghalib (ibid:127), doa untuk menyatakan kasih kepada perempuan (ibid:134-135) dan doa untuk mengenal pasti identiti orang yang mencuri harta kita (ibid:136).

Sesetengah doa yang dinyatakan adalah ayat *al-Qur'aan*. Doa bagi mengubati perut senak misalnya, adalah ayat 82 dari surah al-Isra'(ibid:74). Doa untuk mengubati barah buntut pula didapati melibatkan ayat 1-2 dari surah *al-Qalam*, ayat 27 dari surah al-Takwir atau ayat 87 dari surah Sad atau ayat 104 dari surah Yusuf, serta ayat 29 dari surah al-Takwir (ibid:105). Kesemua ayat ini digabungkan menjadi satu doa. Selain itu, doa ketika tergeliat pula melibatkan ayat 1-2 dari surah *al-Qadr* (ibid:106).

Terdapat juga doa yang memuatkan ayat *al-Qur'aan* sebagai sebahagian daripada kandungannya. Contohnya ialah doa yang dibaca untuk mengubati penyakit muntah atau sakit mata atau barah atau bisul atau banyak keluar peluh atau luka atau tumpah darah didapati menggunakan ayat 137 dari surah *al-Baqarah* sebagai sebahagian dari kandungannya (ibid:86). Ayat ini dibaca dipenghujung doa tersebut. Doa untuk menguatkan zakar juga didapati menggunakan ayat *al-Qur'aan* di permulaan doa. Ayat yang dimaksudkan ialah ayat 1-2 dari surah al-Rahman (ibid:125). Selain itu, doa untuk mengenal pasti identiti orang yang mencuri harta kita juga menggunakan ayat *al-Qur'aan* sebagai sebahagian daripada kandungannya. Ayat tersebut dibaca pada penghujung doa. Ayat yang dimaksudkan ialah ayat 89 dari surah *al-Waqi'ah* (ibid:136).

Apa yang kami boleh simpulkan di sini ialah kemungkinan untuk berlakunya kekeliruan dari segi status ayat *al-Qur'aan* yang digunakan di dalam doa. Dalam menyelesaikan kekeliruan ini, kami tertarik dengan penyelesaian yang diutarakan oleh Harun Mat Piah (2006). Malah, kami turut bersetuju dengan penyelesaian yang dikemukakan oleh beliau. Harun (2006) menjelaskan bahawa penggunaan ayat *al-Qur'aan* di dalam doa lazimnya tidak diambil seluruhnya atau seperti sebenarnya ayat itu ditulis di dalam *mushaf*. Ada yang dipetik secara rambang, tidak tersusun atau bercampur dengan ungkapan-ungkapan lain. Beliau turut membawakan pandangan yang diperoleh daripada tabib, bomoh atau dukun yang menganggapnya sebagai gubahan kata yang membawa



maksud mengubat, menyembuh atau mengelak dari penyakit dan unsur-unsur yang berhubungan dengannya. Ini bermakna ayat *al-Qur'aan* yang digunakan itu bukan lagi berstatus ayat *al-Qur'aan* sepenuhnya. Penggunaannya dalam doa pula tidak lagi sama dengan kedudukannya sebagai ayat *al-Qur'aan*. Penjelasan ini menjelaskan kewajaran kenapa kami manuskrip menggabungkan beberapa ayat *al-Qur'aan* menjadi satu ayat dan juga menggabungkan ayat *al-Qur'aan* dengan ungkapan lain yang tidak berstatus ayat *al-Qur'aan*.

## 10. Pengaruh Peradaban Islam menerusi Kata-kata Sahabat dan Ulama

Manuskrip ini juga mendedahkan wujudnya pengaruh peradaban Islam menerusi kewujudan kata-kata sahabat atau ulama. Kata-kata ulama boleh ditemui pada halaman 8 yang memetik *wa yajib 'ala kulli mu'min wa mu'minah yahtafiz bi dawa'ih madama bi maji' al-marid* ertinya “wajib atas segala mukmin laki-laki dan perempuan memelihara tubuhnya selama belum sampai datang kepadanya penyakit”. Kata-kata ulama ini diselitkan oleh penulis manuskrip dipercayai untuk mewajarkan penulisan fasal pertama bab 1 mengenai pemeliharaan diri pada waktu sihat supaya tidak terkena penyakit. Sementara itu, kata-kata sahabat yang dimuatkan dalam manuskrip ini pula ialah kata-kata Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a., “aku benci melihat orang yang mensia-siakan umurnya dengan tiada mengerjakan pekerjaan agama dan kerja dunia” (ibid:45). Kata-kata Imam Satibi juga turut dimuatkan iaitu “hai geram sekali...yang mensia-siakan umurnya yang lalu lah dengan tiada bepekerjaan” (ibid:45-46). Selain itu, penulis manuskrip juga didapati memuatkan kata-kata Imam Kisa'i yang dipetikanya adapun...kan bahawa orang yang tiada mengerjakan agama dan dunia maka lalulah umurnya dengan makan tidur dengan tiada beroleh manfaat dunia dan akhirat (ibid:46). Satu lagi kata-kata sahabat yang disebutkan dalam manuskrip ini ialah kata-kata Sayyidina Ali bin Abi Talib k.r.w. “yang terkeras dijadikan Allah taala pada anak Adam itu mabuk kerana ia menghilangkan akal maka yang terkeras daripada mabuk itu tidur kerana ia melupakan semesta sekali maka yang terkeras daripada tidur itu percintaan dan dukacita kerana ia mendaifkan tubuh dan mengurangkan dia maka jadi daripadanya penyakit yang terkeras dijadikan Allah taala” (ibid:41).

## 11. Kesimpulan

MSS1292 *Kitab Tibb* yang merupakan sebuah manuskrip tentang perubatan Melayu sarat dengan pengaruh peradaban Islam. Pengaruh ini meliputi penggunaan *wafak* yang ditulis dengan anasir Islam, kewujudan ayat *al-Qur'aan*, *Sunnah* Nabi termasuk hadis, kata-kata sahabat dan ulama, doa dan ungkapan, gesaan atau hukum-hakam keislaman. Ini menjadi bukti kukuh kepada peranan agama dalam kehidupan harian khususnya hal-hal yang berkaian dengan penjagaan kesihatan. Ini juga bermaksud, Islam tidak hanya dipegang sebagai akidah tetapi juga diterapkan sebagai satu cara hidup. Kewujudan pengaruh peradaban Islam dalam manuskrip mengenai perubatan Melayu ini menunjukkan bahawa sains Melayu khususnya perubatan tidak mengabaikan aspek agama.

## Rujukan

- ‘Abd al-Baqi, Muhammad Fu’ad. 1987. *al-Mu’jam al-mufahras li alfaz al-Qur’an al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Surah. 1999. *Sunan al-Tirmidhi*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Azdi, Abu Dawud Sulayman bin al-Ash’ath al-Sijistani. 1999. *Sunan Abi Dawud*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Darimi, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman. 2000. *Sunan al-Darimi*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Faruqi, I. dan al-Faruqi, L. L. 1992. *Atlas budaya Islam*. Terj. Mohd. Ridzuan Othman, Mohd. Sidin Ishak dan Khairuddin Harun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Imam Muslim dan al-Imam al-Nawawi. 1990. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Nasa’i, ‘Abd al-Rahman Ahmad bin Shu’ayb bin ‘Ali al-Khurasani. 1995. *Sunan al-Nasa’i*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.



al-Qazwini, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid. 1998. *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Harun Mat Piah. 2006. *Kitab Tib: Ilmu perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Internet [http://malaysiafx.org/component/option,com\\_fireboard/Itemid,41/func,view/catid,17/id](http://malaysiafx.org/component/option,com_fireboard/Itemid,41/func,view/catid,17/id)

Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman bin 'Ali. 2000. *Sahih al-Bukhari ma'a Kashf al-Mishkal*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn Hambal, Ahmad bin Muhammad. 1995. *al-Musnad*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Imam Nawawi. *Riyadhus Shalihin*. Terj. M.Abdai Rathomy. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

MSS1292 *Kitab Tibb*. Perpustakaan Negara Malaysia.

Wensinck A.J. 1936. *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi*. Leiden: E.J. Brill.